

Headline	Amaran kelembapan ekonomi jejas Asia		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 Apr 2019	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Bisnes	Page No	62
ArticleSize	181 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 17,979		



# Amaran kelembapan ekonomi jejas Asia



**Pasaran** Asia Tenggara kebanyakannya berakhir rendah pada Khamis dengan Indonesia menerajui kejatuhan apabila pelabur mengambil berat amaran berlaku kelembapan ekonomi susulan ketegangan dagangan antara Amerika Syarikat (AS) dan Kesatuan Eropah (EU).

Nada kebimbangan yang disuarakan oleh bank pusat Eropah dan AS terhadap kelembapan ekonomi

global susulan ugutan Washington untuk mengenakan tarif baharu terhadap menjatuhkan sentimen pelabur.

Pelabur turut meninjau data dagangan China bagi Mac yang akan diumumkan pada Jumaat dengan eksport dijangka melantun semula pada Mac selepas kejatuhan besar pada Februari, manakala import kelihatan menyusut untuk tempoh empat bulan berturut-turut pada kadar yang lebih ketara berdasarkan undian Reuters.

Menerajui kerugian adalah indeks Indonesia yang ditutup 1.1 peratus lebih rendah ekoran keti-

daktentuan politik menjelang pemilihan presiden pada 17 April ini.

Saham Malaysia pula ditutup satu peratus lebih lemah selepas data kerajaan menunjukkan pengeluaran industri negara itu mencatatkan pertumbuhan lebih perlahan berbanding Januari.

Indeks pengeluaran industri Malaysia mencatatkan pertumbuhan 1.7 peratus pada Februari berbanding tahun sebelumnya berdasarkan tinjauan Reuters dikalangan 10 ahli ekonomi.

Fasa itu jauh lebih perlahan berbanding pertumbuhan Januari yang dicatatkan kepada 3.2 peratus

secara tahunan.

Sementara itu, syarikat pelaburan Malaysia Khazanah Nasional meraih RM1.05 bilion menerusi jualan 85 juta saham Tenaga Nasional pada nilai antara RM12.33 hingga RM12.58.

Saham Filipina turut menghentakan keuntungan untuk ditutup pada paras lebih rendah susulan majoriti peserta industri memberikan sumbangan kerugian.

Pasaran saham Vietnam ditutup lebih tinggi meneruskan dua sesi keuntungan apabila saham berkaitan sektor hartanah meneruskan kenaikan.

**REUTERS**